

03/10/2002

Fatah buat laporan polis

KUALA LUMPUR, Rabu - Ahli Parlimen kawasan Rantau Panjang, Abdul Fatah Haron hari ini membuat laporan polis berhubung beberapa kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang didakwa menghina Islam.

Abdul Fatah bersama beberapa lagi ahli Pas membuat laporan di Balai Polis Dang Wangi kira-kira jam 11.30 pagi.

Dalam laporannya, Abdul Fatah berkata, beliau berasa tersinggung, sedih dan tidak puas hati terhadap beberapa ucapan Dr Mahathir yang didakwa menghina Islam dan umatnya.

Antara ucapan Dr Mahathir yang dikatakan menghina Islam itu dibuat pada Mesyuarat Tertutup Majlis Agama Islam Kebangsaan pada 1997, Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Jun lalu, perasmian konvensyen Barisan Nasional (BN) Terengganu di Marang, Ogos lalu dan ucapan Dr Mahathir di Papar, Sabah pada Mei 1992.